

BAB PERTAMA

PENDAHULUAN

1. Pendahuluan

Islam adalah agama Allah yang diwahyukan kepada Nabi Muhammad s.a.w. Di dalamnya terkandung dua cabang utama iaitu akidah dan syariah. Kedua-duanya juga dikenali sebagai iman dan amal.

Kebenaran akidah adalah asas-asas umum atau teori yang harus diimani dan diyakini tanpa ragu-ragu oleh setiap muslim. Manakala syariah adalah aspek praktik yang memuatkan peraturan-peraturan yang harus diamalkan oleh setiap muslim sama ada dalam hubungannya dengan Allah, alam, manusia dan kehidupan. Antara akidah dan syariah terdapat jalinan yang rapat antara satu sama lain.¹

Pendidikan akidah sangat penting bagi melahirkan seseorang muslim. Ia mesti bermula daripada peringkat awal iaitu sejak zaman kanak-kanak. Sesuailah peribahasa Melayu ada berbunyi “Kalau hendak melentur buluh biarlah pada waktu rebungunya”.² Di kalangan masyarakat Arab juga terdapat sebuah bidalan yang lebih kurang sama maksudnya iaitu “ Belajar di waktu kecil ibarat menulis di atas batu, belajar di waktu besar ibarat menulis di atas air”. Walaupun kedua-dua peribahasa itu berlainan dan

¹ Abdul Salam Muhamad Shukri (2003), *Panduan Mengajar Akidah Kepada Kanak-kanak*. Pahang: PTS Publications & Distributor Sdn. Bhd., h. 3.

² Mohd. Dahalan Mohd. Ramli (2008), *Bimbingan Dan Panduan Tatabahasa*. Selangor: Arah Pendidikan Sdn. Bhd., h. 156.

lahirnya dari dua masyarakat yang berbeza, namun isi falsafah dari kedua peribahasa itu adalah sama, iaitu menegaskan tentang peri pentingnya pendidikan di waktu kecil, apa lagi pendidikan iman atau tauhid, bagi kita umat Islam adalah suatu perkara yang tidak boleh dianggap mudah atau ringan. Apa jua pendidikan khususnya pendidikan akidah yang hendak ditanam dalam diri seseorang anak itu hendaklah dimulai dari sejak umurnya setahun jagung lagi. Jika tidak, sudah pasti apa yang kita usahakan itu tidak semudah apa yang kita harapkan.

Islam melihat semua anak yang dilahirkan adalah secara fitrah, iaitu suci bersih. Rasulullah s.a.w berkata :

Maksudnya:

*“Tiada seorang pun (bayi muslim dan bukan muslim) yang dilahirkan kecuali dilahirkan di atas ‘fitrah’³ maka ibu bapalah yang menjadikannya Yahudi dan menjadikannya Kristian dan menjadikannya Majusi⁴”.*⁵

³ Semulajadinya diciptakan menjadi orang muslim yang beriman kepada Allah Yang Satu .

⁴ Penyembah api, Zoroastrian.

⁵ Abu Zakariya bin Sharaf al- Nawawi, (1999), *Sharh Sahih Muslim*, Kitab al-Qadar, Bab Kul Mawlud Yulad ‘Ala Fitrah, no. hadith: 2658, 16-18. Beirut: Dar al-Ma’rifah, h. 157. Lihat juga Muslim (1999), *Sahih Muslim Bisharh an-Nawawi*, no. hadith 2658. j. 4. Indonesia: Maktabah Dahlan, h. 2047.

Fitrah adalah sifat semulajadi yang sudah ditetapkan oleh Allah. Ia tidak dapat diubah dan tetap ada dalam kesemua kanak-kanak. Atas dasar fitrah itu, semua manusia boleh menerima atau cenderung kepada agama yang benar, iaitu Islam.

Islam itu tidak akan sempurna melainkan dengan cara memberikan tunjuk ajar serta didikan yang sebaik-baiknya juga sebenar-benarnya pada seluruh generasi. Perlu ditanamkan rasa keimanan kepada Allah, Rasul, Malaikat, Kitab, Hari Kiamat dan Qadha' Qadar dengan sebenar-benar keimanan. Kerana dengan keimanan yang benar-benar jitu akan dapat menyelamatkan manusia dari segala malapetaka dunia dan akhirat. Jadi tugas mendidik adalah suatu tugas yang terlalu besar dan penting.

Melihat kepada senario dunia hari ini, didapati banyak penyelewengan berlaku dalam aspek kehidupan, antaranya hilang keyakinan pada Islam dan seterusnya wujud fenomena murtad, ajaran sesat dan sebagainya. Keadaan ini menyebabkan umat Islam berada dalam kelemahan dan penindasan.⁶

Kita mesti sama-sama berusaha untuk menyelamatkan generasi manusia di dunia lagi, kerana di sinilah bakal menentukan nasib di akhirat. Berbagai-bagai gejala yang dilihat begitu menjadi-jadi, maka kita perlulah mencari jalan untuk menyelesaikannya.

Menyedari hakikat pentingnya pendidikan akidah yang bermula dari zaman kanak-kanak lagi penulis rasa terpanggil untuk membantu ibu bapa dan masyarakat Islam dalam usaha mendidik serta menyemaikan ciri-ciri keimanan yang

⁶ Abdul Salam Muhamad Shukri (2003), *op.cit.*, h. 5.

benar kepada anak-anak dan menjadikan akidah sebagai pegangan hidup kanak-kanak sehingga ia dapat menempuh kehidupan seterusnya dengan selamat.

1.2 Latar Belakang Masalah Kajian

Anak ialah anugerah Tuhan. Ibu bapa mempunyai tanggungjawab yang besar dalam melahirkan anak yang berkualiti dan cemerlang. Ibu bapalah orang yang pertama yang akan mendidik anak-anak dengan sifat-sifat positif dalam peribadi mereka. Kecuaian ibu bapa untuk memahami peranan keibubapaan akan menyebabkan anak-anak hilang panduan dan keliru dalam menjalani kehidupan yang penuh mencabar ini⁷.

Permasalahannya sekarang, kebanyakan ibu bapa tidak mengetahui betapa pentingnya mengajar atau menanam akidah kepada kanak-kanak sejak dari awal usianya lagi. Mereka juga tidak mengetahui pelajaran yang perlu diajarkan kepada kanak-kanak sewaktu mereka masih kecil. Oleh itu, berdasarkan kajian lepas, terdapat satu kajian mengenai penerapan nilai-nilai akidah dalam pendidikan anak-anak dari peringkat sebelum baligh yang menganalisis tentang pemikiran dan pengalaman pensyarah bahagian usuluddin Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

⁷ Mohd. Fadzillah Kamsah (2003), "Perbaiki Kesilapan Dalam Mendidik Anak", dalam Majalah Nur, September 2003, h. 142.

Selain itu, mereka tidak mengetahui cara atau kaedah yang betul untuk mendidik anak-anak mereka. Mereka akan melepaskan geram seperti memarahi dan memukul anak-anak. Perlu diingat bahawa tindakan kekerasan dan menyinggung harga diri dan perasaan si anak jarang sekali membuahkan hasil yang diinginkan. Pendekatan yang buruk tidak akan menjadikan anak-anak menjadi lebih baik, tidak merangsang daya kreativiti, tidak mendorong kemerdekaan berfikir serta tidak menyuburkan keyakinan diri si anak.⁸ Jadi ibu bapa harus menunjukkan contoh teladan yang baik kerana ibu bapa merupakan orang yang paling rapat dengan anak-anak. Jika anak-anak diberi pendidikan yang salah, pendekatan yang bertentangan dengan fitrah, maka akan lahir generasi yang rosak, tidak bermoral dan menjadi ejen perosak.

Dalam hal ini, terdapat sebuah buku bertajuk "*Panduan Mengajar Akidah Kepada Kanak-kanak*" karangan Dr. Abdul Salam Muhammad Shukri, menjelaskan tentang pendidikan akidah kepada kanak-kanak. Namun karangan beliau tidak menyentuh secara khusus mengenai peringkat umur kanak-kanak .

Bagi ibu bapa yang bekerja mereka tidak mempunyai masa yang banyak untuk bersama anak-anak apatah lagi untuk mengajar dan memberi didikan yang sempurna. Tugas yang sepatutnya menjadi tanggungjawab ibu bapa diserahkan sepenuhnya kepada pembantu rumah dan guru-guru di pusat asuhan kanak-kanak.

⁸ Hassan al-Asymawi (1994), *Pesanan Untuk Para Isteri Mengajar Dan Mendidik Anak-anak Menghayati Islam*. Mohd. Sofwan Amrulah (terj.), Selangor: Pustaka Ilmi, h. 14.

Pada masa ini pusat pendidikan kanak-kanak menjadi institusi yang penting dalam masyarakat. Hal ini disebabkan perubahan dari segi cara hidup dan perubahan struktur keluarga akibat perubahan ekonomi dan corak hidup kini. Pada zaman dahulu ekonomi sesebuah keluarga bergantung kepada lelaki sebagai orang yang bertanggungjawab sepenuhnya untuk memikul bebanan keluarga. Pada zaman ini taraf hidup keluarga semakin tinggi, khususnya di bandar telah mendesak kaum wanita untuk keluar bekerja. Dengan ini mereka terpaksa mencari tempat untuk meninggalkan anak-anak dalam jagaan orang lain sementara keluar bekerja. Dalam hal ini, ibu bapa kebanyakannya tidak menitik beratkan soal pengajaran atau pengisian kepada anak-anak di pusat jagaan tersebut, sebaliknya cukup sekadar anak-anak mereka ada tempat untuk bermain dan ada penjaganya. Seseengah pusat asuhan kanak-kanak, menggunakan kaedah pendidikan yang tidak sesuai dengan fitrah kanak-kanak. Dengan kata lain, kaedah pengajaran yang digunakan tidak mengikut peringkat perkembangan atau kemampuan murid-murid.

Ibu bapa seharusnya bijak menentukan sekolah atau pusat jagaan mana yang terbaik dan berkualiti untuk anak-anak, bukan sekadar diajar mengenal huruf, apa itu A, B dan seterusnya.

Pada zaman yang mencabar ini, anak-anaklah yang paling banyak menerima bahang arus kemodenan dan pembangunan. Anak-anak lebih cenderung untuk melakukan apa sahaja yang disukai oleh mereka dan yang sesuai dengan keinginan mereka. Kadang kala berlaku pertembungan di antara keinginan anak-anak dan kehendak ibu bapa terhadap anak-anak mereka sendiri. Sekiranya anak-anak tidak dididik dengan cara yang

betul dan selari dengan ajaran Islam yang suci, mereka cenderung untuk memiliki sifat memberontak. Sifat tersebut akan digunakan terhadap ibu bapa, adik-beradik, kawan-kawan dan alam sekitar, khususnya apabila keinginan mereka tidak dipenuhi ataupun kehendak mereka bertentangan dengan kehendak orang lain. Sebagai jalan keluar untuk memperolehi kebebasan ini, mereka cenderung untuk mengikuti jalan yang salah dan bertentangan dengan kehendak Islam.

Oleh yang demikian, roh agama Islam hendaklah ditiup ke dalam jiwa anak-anak sejak usia kecil mereka. Apabila jiwa mereka diisi dengan cinta kepada agama dan hati mereka disinari oleh ilmu agama dan kecintaan pada Allah dan Rasul, mereka akan membesar sebagai seorang individu yang banyak memiliki sifat-sifat positif dan terpuji.⁹

1.3 Pengertian Tajuk

Sebelum kajian ini dipaparkan dengan lebih lanjut terlebih dahulu penulis akan jelaskan secara ringkas pengertian yang terdapat dalam tajuk kajian ini iaitu:

ASAS-ASAS AKIDAH DALAM PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK MENURUT PERSPEKTIF ISLAM.

⁹ S.Muhammad Syakir (2000), *Akhlak Dan Jiwa Remaja*, c. 3. Kuala Lumpur: Darul Nu'man, h. iii-iv.

Asas-asas Akidah :

Menurut Kamus Dewan, asas ialah ‘alas, dasar atau tapak’. Asas juga bermaksud ‘sesuatu yang menjadi sandaran atau pendukung kepada sesuatu yang lain’ dan sandaran bagi sesuatu perbuatan¹⁰.

Manakala akidah menurut Kamus Dewan, bermaksud rukun agama yang menjadi asas kepada keimanan yang diyakini.¹¹ Dalam bahasa Melayu merujuk pada ‘kepercayaan’ dan ‘keyakinan’¹². Kepercayaan bermaksud ‘keyakinan atau akuan pada benarnya (adanya, berlakunya dan lain-lain) sesuatu, iman dan iktikad’¹³. Dengan itu perkataan akidah, iman dan iktikad mempunyai maksud yang sama. Perkataan iman merujuk pada ‘kepercayaan pada adanya Allah dan mematuhi segala hukum-Nya dan juga ‘ketetapan hati’, kekuatan batin.’¹⁴ Manakala iktikad pula ialah ‘kepercayaan atau keyakinan di dalam hati, biasanya dalam hal-hal keagamaan.’¹⁵ Sedangkan perkataan keyakinan merujuk pada ‘perihal yakin iaitu betul-betul percaya, kepercayaan yang sungguh-sungguh’¹⁶

Oleh itu, asas-asas akidah ialah ‘dasar atau tapak pegangan atau keyakinan yang teguh pada sesuatu berasaskan kebenaran yang kemudiannya berupaya menjadi pencetus

¹⁰Noresah Baharom (2007), *Kamus Dewan*, Edisi 4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, h. 82.

¹¹ *Ibid.*, h. 25

¹² *Ibid.*, h. 20.

¹³ *Ibid.*, h. 944.

¹⁴ *Ibid.*, h. 447.

¹⁵ *Ibid.*, h. 444.

¹⁶ *Ibid.*, h. 1810.

kepada pelaksanaan segala apa yang terkandung dalam akidah yang dipegang.¹⁷ Penulis akan membincangkan tentang asas-asas akidah secara terperinci dalam bab yang keempat kajian ini.

Pendidikan

Menurut Kamus Dewan, pendidikan bermaksud ‘perihal mendidik’.¹⁸ Mendidik berkait dengan menjaga, memelihara, melatih dan mengajar serta lain-lain lagi yang baik-baik. Apabila disebut ilmu pendidikan, ia bermaksud ‘ilmu didik’ ilmu mendidik atau pengetahuan mendidik, pendidikan juga dilihat sebagai ‘didikan, latihan dan ajaran.’¹⁹

Definisi ini ada persamaannya dengan pendapat dalam Webster’s Dictionary (1981) yang mengatakan pendidikan itu satu proses mendidik, mengajar dan melatih:

“Education is the process of educating, teaching or training; a part or a stage in this training; Learning or development which results from this process of training. It is an academic discipline dealing with teaching and learning method in the school”²⁰

Definisi dalam Webster’s Dictionary di atas nampak lebih menumpukan kepada pendidikan formal, kerana memasukkan tempat proses pendidikan itu berlaku seperti sekolah.

¹⁷ Penulis akan membincangkan tentang definisi akidah secara terperinci dalam bab yang ke 2.

¹⁸ *Ibid.*, h. 350.

¹⁹ *Ibid.*

²⁰ *New Webster’s Dictionary* (1981), New York: Delair, h. 156.

Dalam Islam, pendidikan tidak terhad kepada pendidikan formal sahaja, ia merangkumi semua urusan di mana saja seseorang itu berada, suasana itu semuanya ada hubungan pendidikan, sebab pendidikan dalam Islam bukan latihan fizikal sahaja, bahkan terangkum juga spiritual dan intelek.²¹

Ibnu Maskaweh (421 H) mentakrifkan pendidikan dengan perkataannya: “Pendidikan adalah adab syariat dan melaksanakan tugas-tugas serta syariat-syariatnya, sehingga menjadi tradisi bagi anak.” Beliau juga mengatakan bahawa pendidikan adalah suatu tradisi (kebiasaan). Barangsiapa biasa mengerjakan sesuatu sejak kecil, nescaya ia akan terbiasa atas sesuatu itu bila sudah dewasa. Maka wajib ke atas umat Islam agar membiasakan anak-anak mereka untuk melaksanakan adab syariat, sehingga mereka menjadi terbiasa. Kemudian hendaklah memulai hal ini semenjak dari awal lagi terhadap keluarganya.²²

Awal Kanak-kanak :

Perkataan awal yang didefinisikan oleh Kamus Dewan ialah permulaan (sesuatu jangka waktu).²³

Manakala kanak-kanak pula menurut Kamus Dewan bermaksud ‘budak lelaki ataupun perempuan yang masih kecil, biasanya yang belum berumur lebih daripada 7

²¹ Muhammad ‘Atiyah al- Ibrashi, (1976), *al-Tarbiyyah al-Islamiyyah wa falsafatuha*, c. 3. Kaherah: Dar al-Fikr al-‘Arabi, h. 114.

²² Abdul Rahman Umdirah (1995), *Membentuk Insan Kamil Motivasi Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Darul Nu’man, h. 11.

²³Noresah Baharom (2007), *op.cit.*, h. 92.

ataupun 8 tahun.’²⁴.Manakala dalam perbincangan buku-buku fekah, kanak-kanak secara umumnya dilihat sebagai seseorang yang masih di bawah umur *baligh*.²⁵

Oleh itu, awal kanak-kanak ialah mereka yang berumur di bawah 7 atau 8 tahun.²⁶ Walaubagaimanapun penulis akan membincangkan tentang definisi awal kanak-kanak dengan lebih terperinci dalam bab ketiga.

Perspektif :

Menurut Kamus Dewan, perspektif bermaksud ‘pandangan (pentafsiran) yang wajar bukan sesuatu dengan memperkirakan bahagian-bahagiannya dalam hubungan keseluruhannya’.²⁷

Islam :

Islam adalah agama tauhid²⁸ iaitu suatu agama ²⁹ yang dalam ajaran-ajarannya sama ada dari sudut teori dan praktiknya menekankan keEsaan Allah S.W.T, firman Allah :

²⁴ *Ibid.*, h. 668

²⁵ Alwi Hj. Abdul Rahman (1999), *Jenayah Kanak-Kanak Menurut Undang-Undang Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 3-4.

²⁶ Penulis akan membincang definisi kanak-kanak dengan lebih terperinci dalam bab ke 3.

²⁷ *Ibid.*, h. 1194.

²⁸ Muhammad ‘Ali al-Sabuni (t.t), *Tafsir Ayat al-Ahkam*, j. 2, Makkah: T.P, h. 406. Lihat *Ensiklopedia Islam* (1998), j. I. Kuala Lumpur: Pusat Penyelidikan Ensiklopedia Malaysia, h. 176.

²⁹ Kepercayaan pada Tuhan dan sifat-sifat serta kekuasaan Tuhan dan penerimaan ajaran dan perintahNya. Lihat Noresah Baharom (2007), *op.cit.*, h. 590. Dimaksudkan agama sebagai ‘Din’ , jamaknya ‘Adyan’ dari kata dasar ‘dana’ dan ‘Yadinu’ yang bermakna ‘Dia Taat’ atau ‘Dia menjadi taat’ atau ‘Dia tunduk’ atau ‘Dia menjadi tunduk’ atau ‘Dia telah ditundukkan’ atau ‘Dia telah dijadikan hamba’. Didapati firman Allah

قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ

Surah al-Ikhlās (112) : 1

Bermaksud :

'Katakanlah (wahai Muhammad) : '(Tuhanku) ialah Allah yang Maha Esa'

Semua aspek dalam ajaran Islam sama ada dari segi doktrin³⁰ dan amalannya membayangkan prinsip yang asasi ini.

Jadi, perkataan 'Islam' yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah Islam yang menjadi satu sistem yang *syumul* (lengkap) yang merangkumi seluruh aspek kehidupan manusia tanpa berkecuali; sama ada sekecil-kecil urusan sehingga sebesar-besarnya, mulai daripada urusan peribadi, keluarga, masyarakat, negara malah turut merangkumi aspek hubungan antarabangsa; meliputi aspek akidah, akhlak muamalat, jenayah, ekonomi dan lain-lain.

yang berkaitan dengan maksud ini, Maksudnya : Siapakah yang lebih baik Din (nya) daripada seorang yang menundukkan dirinya kepada Allah? Surah al-Nisa' ayat 125. Lihat Ibn Manzur (1994), *Lisan al-'Arab*, Juz 13, Beirut: Dar al-Fikr, h. 168-171. Edward William Lane (1968), *Arabic English Lexicon*, bahagian 3, Beirut: Librairie Du Liban, h. 942-944. Muhammad 'Uthman El-Muhammady (1976), *Peradaban Dalam Islam*. Kelantan: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd, h. 1-5. Syed Muhammad al-Naqib al-Attas (1976), *Islam The Concept of Religion and The Foundation of Ethics and Morality*. Kuala Lumpur: ABIM, h. 1-4. Syed Muhammad al-Naqib al-Attas (1977), *Islam Faham Agama dan Asas Akhlak* (terj.). Kuala Lumpur: ABIM, h. 3-9. Lihat juga Ahmad Tarmizi Talib (1997), "Islam Sebagai Agama Dan Tamadun", dalam Hj Ahmad Fauzi Hj Morad *et al.*, *Tamadun Islam*. Selangor: Universiti Putra Malaysia, h. 1.

³⁰ Prinsip atau kepercayaan yang dianggap benar dan satu-satunya yang dapat diterima. Lihat Noresah Baharom (2007), *op.cit.*, h. 360.

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini mempunyai beberapa tujuan atau objektif utama seperti :

1. Mengupas konsep umum akidah menurut perspektif Islam
2. Mengkaji persoalan kanak-kanak dan perkembangannya menurut dimensi Islam.
3. Menghuraikan pandangan Islam dan pandangan tokoh sarjana Islam tentang pendekatan akidah dalam pendidikan awal kanak-kanak.

1.5 Skop Kajian

Penulis akan memfokuskan kajian ini hanya kepada asas-asas akidah sahaja dan tidak akan memberi tumpuan kepada persoalan akidah secara meluas sepertimana yang perlu diamalkan oleh umat Islam dewasa yang telah mencapai umur baligh. Penulis akan fokuskan kepada tiga asas utama iaitu Ketuhanan (mengakui keEsaan Allah), Kenabian (menerima kerasulan Nabi Muhammad) dan Kebangkitan (meyakini adanya hari akhirat). Penulis bataskan skop akidah ini kepada tiga asas utama kerana dari sudut sejarah, tiga asas utama ini merupakan bahagian pertama yang didakwahkan oleh Nabi Muhammad s..a.w. di Makkah selama 13 tahun, bertujuan mendidik dan mengajak masyarakat kepada akidah tauhid.

Manakala pendidikan yang dimaksudkan oleh penulis dalam kajian ini ialah tertumpu kepada pendidikan akidah sahaja, tidak melibatkan semua jenis pendidikan yang terdapat dalam dunia pengajaran hari ini.

Dari segi sasaran, penulis akan mengkaji dan membataskan kajian ini hanya kepada pendidikan akidah untuk awal kanak-kanak sahaja iaitu mereka yang berumur 0 hingga 7 tahun, tidak termasuk golongan dewasa.

Dalam membicarakan soal metode atau pendekatan pendidikan akidah, penulis hanya akan membincangkan kaedah atau metode yang sesuai untuk peringkat umur kanak-kanak 0 hingga 7 tahun.

Penulis juga membincangkan pandangan-pandangan tokoh sarjana Islam tentang metode pendidikan akidah kepada kanak-kanak. Justeru, penulis hanya memfokuskan kepada dua orang tokoh sahaja iaitu seorang tokoh ulama' silam Imam al-Ghazali dan seorang tokoh zaman moden iaitu Abdullah Nasih al-Ulwan.

1.6 Kepentingan Kajian

Permasalahan apa dan bagaimana untuk mendidik anak-anak mengikut cara Islam sering menjadi tandatanya di kalangan ibu bapa. Ada di kalangan ibu bapa tidak tahu apakah yang sepatutnya diajarkan kepada anak-anak mereka yang masih kecil dan tidak

tahu apa-apa. Dan bagaimanakah pula untuk mengajar mereka yang masih kecil dan dalam usia yang masih muda ini. Justeru itulah, kebanyakan ibu bapa mengambil langkah mudah dengan membiarkan sahaja peluang keemasan ini.

Pepatah ada mengatakan, “Melentur buluh biarlah dari rebungnya”. Pepatah ini dapat memberi nasihat kepada kita bahawa kalau mahu membentuk peribadi atau membentuk akhlak yang baik ke atas seseorang manusia hendaklah dibentuk sejak kecil lagi.

Contoh terdekat dengan kita adalah seperti mendidik anak-anak untuk mengerjakan perintah sembahyang lima waktu sehari semalam. Kita hendaklah membiasakan diri mereka, mengajar mereka serta menyuruh mereka bersembahyang ketika masih kecil sebelum baligh. Janganlah apabila anak-anak sudah tumbuh misai janggut baru disuruh mengerjakan perintah Allah itu, kerana salah-salah langkah anak-anak yang sudah besar itu boleh melenting kepada ibu bapa.

Ibu bapa perlu tahu bahawa perkara atau jalan untuk mendidik anak-anak kecil dan melatih mereka dengan budi pekerti yang baik dan terpuji adalah perkara penting dan amat perlu. Tugas pendidikan ini bukanlah suatu tugas sampingan yang boleh diketepikan atau ditukar ganti peranannya oleh orang lain.

Umumnya kajian ini amat penting kepada agama, bangsa dan negara.

Agama:

- Asas akidah yang tidak kukuh akan menyebabkan hilangnya keyakinan pada Islam dan kesannya akan wujud fenomena murtad, ajaran sesat dan sebagainya. Justeru, dengan adanya kajian ini dapat membantu mengatasi masalah kekalutan akidah dengan mempersiapkan diri kanak-kanak secara mantap dengan mendidik mereka tentang asas-asas akidah sejak daripada rebung lagi. Agar bila dewasa nanti mereka akan menjadi seorang yang patuh serta taat kepada Allah, tetap pendiriannya dan tidak mudah goyang akidahnya.

Bangsa:

- Bagi menghasilkan bangsa atau masyarakat yang cemerlang, gemilang dan terbilang, perlulah dasarnya bertapakkan kepada akidah yang kukuh dan mantap. Kajian ini membantu bangsa Melayu terutamanya dalam memahami akidah dan kepentingannya dalam menjalani tanggungjawab dan kehidupan sebagai umat Islam

- Ibu bapa:

Kajian ini juga amat penting kepada ibu bapa untuk mendidik anak-anak mereka. Kebanyakan ibu bapa tidak mengetahui kepentingan pendidikan akidah dalam Islam pada peringkat usia awal kanak-kanak. Mereka tidak tahu apa yang perlu diajar dan

bagaimana cara untuk mengajar. Lantas kebanyakan ibu bapa mengabaikan satu tanggungjawab yang besar kepada kanak-kanak pada tempoh tersebut.

- Pendidik dan Institusi:

Kajian ini juga penting untuk membantu para pendidik dan orang yang bertanggungjawab dalam institusi pendidikan khususnya pada peringkat pra sekolah terutama dalam merangka dan menambahbaik silibus serta mengaplikasi kaedah-kaedah yang bersesuaian dengan peringkat umur kanak-kanak.

Kajian ini diharap dapat menjadi panduan kepada Kementerian Pelajaran Malaysia dalam memantapkan lagi pendidikan akidah atau pendidikan Islam. Dengan adanya kajian ini, semoga usaha murni mendidik anak-anak dengan akidah Islam dapat dicapai. Hal ini penting memandangkan terdapat pelbagai cabaran yang dihadapi dalam dunia globalisasi ini.

Negara:

- Kajian ini penting dalam konteks negara, kerana kemantapan akidah bangsanya akan menjadikan sesebuah negara itu maju dan disanjung. Peneraju sesebuah negara mestilah dikalangan mereka yang mantap akidahnya, kerana rosak akidah akan menyebabkan sesebuah negara itu hancur. Justeru, pendidikan akidah bermula dari awal kanak-kanak adalah merupakan suatu perkara yang teramat penting untuk dilaksanakan bagi menghasilkan seorang manusia yang mampu untuk menjadi pentadbir sesebuah negara.

Semoga kajian ini sedikit sebanyak akan dapat menyumbang kepada masyarakat terutamanya dalam memberikan formula dan prosedur mendidik anak-anak di era yang penuh cabaran ini.

1.7 Kajian Literatur

Dari tinjauan yang dilakukan, penulis mendapati tidak banyak kajian yang menyentuh mengenai asas-asas akidah dalam pendidikan awal kanak-kanak menurut perspektif Islam. Ini bermakna kajian ini merupakan satu kajian baru yang dapat disumbangkan untuk menyalurkan pendidikan akidah kepada peringkat awal kanak-kanak dengan menggunakan cara dan kaedah yang sesuai mengikut peringkat umur 0 hingga 7 tahun. Namun begitu penulis mendapati beberapa kajian telah dibuat dalam bidang yang hampir sama mengenai pendidikan akidah.

Antara kajian tersebut ialah :

a) Tesis, Disertasi dan latihan Ilmiah

1- “Keberkesanan kaedah soal jawab dalam pengajaran akidah” oleh Siti Zubaidah Mohamad Ali (2005) Disertasi Sarjana Pendidikan –Pengkhususan Sains Sosial (Pengajian Islam) Fakulti Pendidikan Universiti Malaysia

Kajian beliau hanya memfokuskan tentang satu metode pengajaran akidah iaitu metode soal jawab. Manakala sasaran dalam kajian tersebut adalah untuk murid-murid peringkat sekolah rendah dan menengah.

Sementara apa yang dikaji oleh penulis dalam kajian ini ialah tentang metode-metode pendidikan akidah yang sesuai untuk kanak berumur 0 hingga 7 tahun.

2- “ Penerapan Nilai-nilai Akidah Dalam Pendidikan Anak-anak dari Peringkat Sebelum Baligh : Analisis Terhadap Pemikiran Dan Pengalaman Pensyarah bahagian Usuluddin Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.” Oleh Nazihah Mohd. Fauzi (2005) Latihan Ilmiah, Jabatan Akidah Dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

Kajian beliau ialah tentang penerapan nilai-nilai akidah secara umum kepada kanak-kanak sebelum baligh dengan berdasarkan pemikiran dan pengalaman pensyarah di bahagian Usuluddin.

Apa yang dikaji oleh penulis dalam kajian ini adalah tentang pendekatan asas akidah secara khusus dan terperinci kepada kanak-kanak yang berumur 0 hingga 7 tahun berdasarkan al-Quran, al-Sunnah dan dua orang tokoh sarjana Islam.

3- “Kisah Nabi Musa dan Firaun di dalam al-Quran : aplikasinya di dalam pendidikan Islam” Oleh Nabiroh Kassim. Disertasi Jabatan al-Quran Dan al-Hadith, Universiti Malaya, 2006

Kajian ini antara topik perbincangannya ialah tentang kaedah-kaedah pengajaran yang digunakan dalam pendidikan Islam secara umum dan tidak menyentuh soal kaedah dalam pengajaran pendidikan akidah secara khusus. Kajian ini juga membincangkan tentang teori tokoh-tokoh sarjana Islam dalam pendidikan seperti Imam al-Ghazali, Abdullah Nasih al-Ulwan dan Ibn Khaldun tetapi tidak mengkhususkan kepada perbincangan tentang persoalan akidah secara khusus.

4- “Pemikiran akidah al-Imam al-Ghazali dalam kitab Ihya ' Ulum al-Din : analisis terhadap kitab Qawa'id al-Aqa'id” Oleh Mohd Abduh Abu Samah : Disertasi Jabatan Akidah Dan Pemikiran Islam APIUM (2006).

Antara topik yang dibincangkan dalam kajian ini ialah Metode al-Ghazali Dalam Pengajaran Akidah Kepada kanak-kanak. Kajian ini tidak menghuraikan secara terperinci tentang kaedah pengajaran akidah kepada kanak-kanak khususnya peringkat awal kanak-kanak.

b) Buku

1. “Ihya’ ‘ulum al-Din” karangan Imam al-Ghazali.

Buku ini menyentuh berkenaan persoalan pendidikan akidah untuk kanak-kanak, pendedahan beliau secara sepintas lalu hanya membincangkan tentang metode pendidikan itu sahaja. Sementara apa yang ingin dikaji oleh penulis dalam kajian ini adalah tentang metode pendidikan akidah mengikut peringkat umur.

2. “Tarbiyyah al-Awlad fi al-Islam” karangan Syeikh ‘Abdullah Nasih ‘Ulwan.

Buku ini membincangkan secara menyeluruh persoalan pendidikan Islam untuk kanak-kanak. Antara yang disentuh ialah tentang tanggungjawab para pendidik mendidik anak-anak dalam aspek pendidikan keimanan atau akidah, moral, jasmani, mental, rohani, sosial dan seks.

Manakala penulis dalam kajian ini akan membincangkan secara menyeluruh persoalan pendidikan akidah untuk peringkat awal kanak-kanak.

3. “Pendidikan Anak-anak”. Karangan Prof.Dr. Saedah Siraj.

Buku ini secara keseluruhannya membincangkan tentang pendidikan anak-anak dalam Islam. Penulisan ini lebih memberikan penekanan kepada pendidikan akhlak di kalangan kanak-kanak.

4. “Pengajaran dan Pembelajaran Kanak-kanak dari Perspektif Islam”. Karangan Tengku Sarina Aini Tengku Kasim.

Buku ini mendedahkan tentang kaedah mendidik anak dalam Islam merujuk kepada cara pendidikan Luqman Hakim dalam mendidik anak-anaknya secara berperingkat sebagaimana yang dijelaskan dalam al-Quran surah Luqman.

5. “Panduan Mengajar Akidah Kepada Kanak-kanak”. Karangan Dr. Abdul Salam Muhammad Shukri.

Fokus buku ini ialah tentang pendidikan akidah untuk kanak-kanak. Perbincangannya adalah berkisar tentang isi kandungan akidah dan kaedah pengajaran akidah untuk kanak-kanak berdasarkan al-Quran, al-Sunnah dan beberapa orang tokoh sarjana Islam. Namun kajian ini tidak membincangkan secara khusus pendidikan akidah untuk kanak-kanak mengikut umur sebagaimana kajian penulis

1.8 Metodologi Kajian

Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, istilah ‘metode’ bermaksud cara melakukan sesuatu. Manakala ‘metodologi’ pula ialah sistem yang merangkumi kaedah dan prinsip yang digunakan dalam sesuatu kegiatan dan disiplin.³¹

³¹ Noresah Baharom (2007), *op.cit.*, h. 1030.

Menurut Imam Bernadib , maksud metodologi ialah ilmu tentang cara untuk mengadakan penelitian.³² Perkataan ini berasal daripada bahasa Yunani iaitu ‘methodos’ yang bermaksud cara atau jalan.³³

Dalam bidang penyelidikan ilmiah, metode adalah suatu cara untuk memahami objek yang menjadi sasaran dalam penelitian.³⁴ Justeru, suatu penyelidikan akan tinggi mutunya apabila metode-metode yang digunakan menepati serta sesuai dengan objek yang dikaji dan mempunyai tujuannya.³⁵

Secara umumnya, bagi menjalankan kajian ini penulis hanya menggunakan satu kaedah atau metodologi kajian sahaja iaitu penyelidikan perpustakaan (*Library research*).

Penyelidikan Perpustakaan

Kajian atau penyelidikan perpustakaan ialah penyelidikan yang menumpukan aspek pengkajian kepada buku-buku, dokumen, manuskrip dan sebagainya yang terdapat di dalam perpustakaan untuk dijadikan rujukan dan maklumat tambahan yang berkaitan dengan tajuk kajian kepada penulis. Al-Qur’an dan hadith merupakan sumber paling asas dalam memperolehi data-data primer serta dapat memperkuatkan hujah-hujah. Data-data

³² Imam Bernadip (1982), *Arti Metode Sejarah Pendidikan*, Yogyakarta: Yayasan Penerbitan FIP-IKIP, h. 7.

³³ Koentjaraningrat (1997), *Metode-metode Penelitian Masyarakat*, Jakarta: Penerbit P.T Gramedia, h. 7.

³⁴ Fuad Hassan dan Koentjaraningrat (1991), *Beberapa Asas Metodologi Ilmiah Dalam Metode-metode Penelitian Masyarakat*, Jakarta: P.T Gramedia, h. 3.

³⁵ *Ibid.*, h. 53.

yang diperolehi adalah dari buku-buku yang berkaitan dengan akidah, kanak-kanak, pendidikan Islam, sejarah Rasulullah s.a.w dan pelbagai rujukan lain sama ada dalam bahasa Melayu , bahasa Inggeris atau bahasa Arab. Untuk menghuraikan persoalan berbentuk semasa, penulis merujuk kepada majalah dan akhbar. Selain itu, melalui penyelidikan perpustakaan ini, penulis telah membuat ‘review’ kajian terhadap penyelidikan ini.

Melalui Kajian perpustakaan ini juga, penulis telah menggunakan beberapa metode iaitu:

1. Metode Dokumentasi

Metode dokumentasi ialah suatu cara penyelidikan terhadap dokumen-dokumen yang berhubung dengan masalah yang diteliti³⁶ sama ada menggunakan bahan-bahan yang berbentuk verbal seperti surat-surat, catatan harian, laporan bahan kajian dan sebagainya.³⁷ Melalui metode ini, ia telah banyak membantu penulis dalam mendapatkan data-data yang berkaitan dengan tajuk kajian. Metode ini telah digunakan hampir kepada keseluruhan bab.

³⁶ Abdul Halim Mat Diah (1987), *Suatu Contoh Tentang Huraian Metodologi*, Kuala Lumpur: Fakulti Usuluddin, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, h. 117.

³⁷ Sartono Kartodirjo (t.t), *Metode Penggunaan Bahan Dokumen Dalam Metode-metode Penelitian Masyarakat*, Jakarta: P.T Gramedia, h. 44.

2. Metode Historis

Metode sejarah ialah membuat penyelidikan ke atas perkara-perkara yang mengandungi perspektif sejarah.³⁸ Di samping itu juga ia merupakan suatu proses untuk menentukan adanya pendapat yang tepat mengenai sesuatu kejadian. Data yang diperolehi oleh penulis adalah melalui buku-buku, jurnal dan sebagainya. Metode ini telah digunakan sepenuhnya dalam bab empat iaitu untuk mendapatkan maklumat tentang cara pendidikan kanak-kanak pada zaman Rasulullah s.a.w. Selain itu, metode ini juga telah digunakan dalam bab-bab lain untuk memantapkan lagi fakta-fakta yang dikemukakan.

Bagi mendapatkan bahan-bahan yang diperlukan, penulis telah membuat rujukan di beberapa buah perpustakaan antaranya :

- Perpustakaan Utama Universiti Malaya
- Perpustakaan Peringatan Za'ba Universiti Malaya
- Perpustakaan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya
- Perpustakaan Negara
- Perpustakaan Pusat Islam
- Perpustakaan Tun Sri Lanang UKM
- Perpustakaan al-Malik Faisal, Akademi Pengajian Islam Nilam Puri, Kelantan
- Perpustakaan Awam Negeri Kelantan

³⁸ Sidi Gazalba (1981), *Pembimbing Latihan Ilmiah dan Tesis*, Kuala Lumpur: Pustaka Antara, h. 77.

- Perpustakaan Institut Perguruan Bahasa Melayu Malaysia
- Perpustakaan Sekolah Kebangsaan Convent Sentul Satu Kuala Lumpur.

1.9 Sistematika Penulisan

Dalam kajian ini penulis akan membahagikan perbincangan kepada lima bab. Pada bab pertama akan dibincangkan latar belakang masalah kajian, pengertian tajuk, objektif kajian, skop kajian, kepentingan kajian, kajian literatur, metodologi kajian dan sistematika penulisan.

Pada bab kedua akan dibincangkan tentang konsep akidah secara umum, termasuklah definisi akidah, prinsip-prinsip akidah, konsep taklif, kepentingan akidah, keistimewaan akidah, dan taqlid dalam akidah. Setelah mengetahui tentang konsep akidah secara terperinci, penulis dapat membuat kupasan bahawa akidah merupakan sesuatu yang amat penting dan mesti ditanam dalam diri manusia bagi menjadikan seseorang itu manusia yang sempurna dan seimbang di dunia dan di akhirat.

Dalam bab ketiga, penulis akan mengkaji persoalan kanak-kanak menurut perspektif Islam. Kajian ini membantu penulis dalam menentukan siapa kanak-kanak dan bagaimana perkembangannya menurut perspektif Islam dan beberapa pandangan lain. Melalui hasil kajian ini, dapatlah ditentukan kaedah atau pendekatan yang sesuai untuk mendidik mereka tentang asas-asas akidah.

Manakala bab keempat pula, penulis akan menghuraikan asas-asas akidah dan pendekatannya dalam pendidikan awal kanak-kanak. Penulis telah memfokuskan secara khusus kepada tiga asas akidah iaitu tentang Ketuhanan, Kenabian dan Kebangkitan, sesuai untuk peringkat umur awal kanak-kanak, namun tentang Malaikat, Kitab dan Qado' dan Qadar hanya disentuh secara umum sahaja. Selain pendekatan atau kaedah mengajar akidah untuk kanak-kanak yang digunakan dalam al-Quran dan al-Sunnah, penulis juga memilih dua orang tokoh sarjana Islam yang mengkaji secara khusus tentang pendidikan akidah untuk kanak-kanak bagi memantapkan lagi kajian ini. Metode atau pendekatan yang digunakan oleh dua orang tokoh tersebut sedikit sebanyak dapat membantu penulis dalam mengenalpasti kaedah yang sesuai untuk mengajar akidah kepada kanak-kanak yang berumur 0 hingga 7 tahun.

Dalam bab terakhir penulis membuat kesimpulan terhadap hasil kajian ini dan memberi beberapa cadangan yang dianggap dapat membantu usaha kearah memberi pendidikan akidah yang sempurna sesuai dengan peringkat umur kanak-kanak.